

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	25 JUNE 2016

Bersekongkol dengan pembangkang, serang kepimpinan parti

BH - 25/6/2016

➔ Tindakan berucap di pentas pembangkang kesalahan besar, tak bertanggungjawab

Oleh Mohd Anwar Patho Rohman dan Mohd Nasaruddin Parzi
bhnews@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Majlis Tertinggi (MT) UMNO memecat keahlian Tan Sri Muhyiddin Yasin dan Datuk Seri Mukhriz Mahathir daripada parti selepas didapati bersekongkol dengan pembangkang menyerang parti dan kepimpinan UMNO.

Presiden UMNO, Datuk Seri Najib Razak, berkata tindakan bekas timbalannya serta bekas Menteri Besar Kedah itu bersekongkol dengan pembangkang menyerang kepimpinan parti adalah kesalahan besar pelanggaran disiplin parti.

Pada sidang media selepas mesyuarat MT, Najib berkata, Naib Presiden UMNO, Datuk Seri Mohd

Shafie Apdal pula digantung keahliannya sehingga MT menerima laporan daripada Jawatankuasa Disiplin parti.

"MT secara sebulat suara membuat keputusan memecat mereka (Muhyiddin dan Mukhriz) serta merta daripada UMNO selepas mendapati mereka berada di atas pentas bersama pemimpin pembangkang berucap menyerang kepimpinan parti.

Kesalahan besar

"Itu satu kesalahan besar kerana melanggar disiplin parti. Ia perbuatan yang begitu dikesali dan satu perbuatan tidak bertanggungjawab," katanya.

Yang turut hadir, Timbalan Perdana Menteri yang juga Naib Presiden UMNO, Datuk Seri Dr Ahmad Zaidi Hamidi dan Naib Presiden, Datuk Seri Hishammuddin Hussein. Muhyiddin dan Shafie digugur-

kan daripada Kabinet pada Julai 2015, manakala Mukhriz melepaskan jawatan sebagai Menteri Besar Kedah pada Februari lalu.

Lantang kritik Najib

Ketiga-tiga mereka lantang mengkritik dan mempersoal kepimpinan Najib sebagai Perdana Menteri dalam isu dana politik RM2.6 bilion dan 1Malaysia Development Berhad (1MDB).

Sementara itu, Perdana Menteri berkata, segala sumbangan kerajaan kepada Yayasan Kepimpinan Perdana yang diterajui Tun Dr Mahathir Mohamad ditamatkan serta-merta selepas mendapati yayasan itu menjadi pusat merancang menjatuhkan kerajaan secara tidak sah mengikut Perlembagaan.

"Oleh sebab itu tidak ada sebab untuk kerajaan meneruskan sumbangan kepada Yayasan Kepimpinan Perdana kerana ia menjadi

pusat merancang menjatuhkan kerajaan. Segala sumbangan disalurkan akan ditarik balik dan semua kakitangannya akan diberi notis berhenti," katanya.

Dalam perkembangan lain, Najib berkata, pilihan raya umum (PRU) tidak akan diadakan dalam tempoh terdekat ini hanya berdasarkan kepada keputusan diperolehi Barisan Nasional (BN) dalam pilihan raya kecil (PRK) Parlimen Kuala Kangsar dan Sungai Besar, 18 Jun lalu.

Katanya, keputusan dua PRK itu tidak boleh dijadikan asas kukuh untuk mengadakan PRU secara tergesa-gesa kerana banyak isu dan kepentingan lain perlu diambil kira jika hendak mengadakan PRU.

Perdana Menteri turut berkata, penyusunan semula Kabinet tidak diadakan dalam tempoh terdekat kerana masih memerlukan masa untuk penelitian.